

08/12/2000

Hishammuddin minta ahli Umno bekerja sama perbaiki kelemahan

Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno perlu mengakui kelemahan dan menerima keputusan rakyat menolak Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata parti komponen BN juga harus menerima hakikat itu dan berganding tenaga mengatasi kelemahan berkenaan.

"Kita tidak akan menuding jari pada mana-mana pihak dan bertekad serta bulatkan iltizam sebagai satu pasukan untuk memperjuangkan hak dan nasib agama, bangsa dan negara.

"Kita berada di sini bukan untuk kepentingan mana-mana pihak atau individu. Kita berada di sini untuk memastikan agenda Umno terus dilaksanakan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda, di sini hari ini.

Hishammuddin yang mengakui wujud kelemahan dalam Pemuda berkata, pergerakan itu mulai hari ini berpakat tidak mahu cakap banyak sangat, sebaliknya melaksanakan amanah parti.

"Kita akui wujud juga kekurangan dalam pergerakan ini dan pada masa yang sama membuat pendirian kita berani terima tanggungjawab bersama.

"Siapa nak kritik, nak tegur, tegurlah tetapi selagi kita padu, perjuangan kita ikhlas untuk mendampingi rakyat, Insya-Allah orang boleh menilai," katanya.

Hishammuddin berkata, antara perkara pokok yang harus dibaiki ialah kesungguhan dan iltizam ahli di semua peringkat bagi memastikan Umno terus menjadi pilihan utama rakyat.

"Kita juga tidak mahu menuding jari terhadap mana-mana pihak. Kita kenal pasti antara kelemahan lain ialah iltizam Pemuda kepada kempen pilihan raya harus ditangani bersama," katanya.

Beliau berkata, sebagai pemimpin muda ahli pergerakan Umno dan BN perlu mengetengah dan menyampaikan mesej kepada rakyat.

Sehubungan itu, katanya, BN perlu menunjukkan persefahaman mendalam di kalangan parti komponen, khususnya di antara pemimpin tertinggi.

"Pada masa yang sama pemimpin muda harus mempertahankan dasar kerajaan dan turun menerangkan kepada rakyat, kita ada agenda untuk membangunkan negara," katanya.

Hishammuddin berkata, penjelasan berterusan penting kerana pembangkang terus mengambil kesempatan memecah-belahkan perpaduan rakyat, khususnya di kalangan orang Melayu seperti berlaku di Lunas.

Menurutnya, pembangkang bertindak liar dan ganas serta meniup api perkauman yang amat berbahaya hingga boleh menjejaskan keharmonian negara.

Mengenai keputusan Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir menghantar surat peletakan jawatan kepada Dr Mahathir, beliau berkata, Aziz tidak meletak jawatan.

Katanya, keputusan Aziz itu tidak dibincangkan di mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Jumaat lalu, tetapi dibincangkan pada mesyuarat exco hari ini.

(END)